

**MEMPERKUKUHKAN PENGLIBATAN KOMUNITI TEMPATAN  
MENERUSI LA21 DALAM PEMULIHARAAN KAWASAN WARISAN  
KAWASAN KAJIAN: KAWASAN KONSERVASI MAJLIS BANDARAYA  
MELAKA BERSEJARAH**

**IZZA SHAFINI BINTI ZAINAL ABIDIN**

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

Oktober , 2004

## **ABSTRAK**

Bandar Melaka yang terkenal sebagai Bandaraya Bersejarah sejajar dengan imej bandarnya yang memiliki warisan sejarah pelbagai budaya kesan daripada peninggalan sejarah. Pengwartaan bandar lama sebagai Kawasan Konservasi 1 di bawah Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Melaka Bersejarah telah menjadi titik tolak kepada kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ke arah memulihara warisan bersejarah ini. Selaras dengan usaha untuk menyenaraikan Bandar Melaka ke Senarai Warisan Dunia, maka telah terdapat pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dijalankan. Usaha-usaha untuk memulihara warisan budaya penduduk yang nyata dan tidak nyata telah banyak dijalankan melalui program-program pemulihraan warisan yang dianjurkan oleh kerajaan negeri , tempatan malah melibatkan badan-badan asing iaitu melalui usahasama dengan UNESCO dan JICA. Namun begitu, adakah usaha ini hanya akan terus dibebani oleh agensi pelaksana tanpa melibatkan penglibatan awam yang aktif daripada komuniti tempatan. Lantaran itu, penerapan Agenda 21 di peringkat tempatan melalui program Local Agenda 21 (LA21) memberi ruang dan saluran kepada komuniti tempatan sebagai *host community* agar bersama-sama dengan MBMB dan pihak swasta dalam merencanakan pelan tindakan bersama-sama. Cabaran utama pengurusan dan pemuliharaan kawasan warisan sejarah yang mampan ialah kelemahan penglibatan komuniti tempatan sebagai stakeholders yang mempengaruhi keputusan dan cadangan pembangunan. Selaku rakan perkongsian dalam perancangan yang mampan, maka mekanisme yang berkesan adalah amat perlu dalam menangani masalah ini. Komitmen dan pengupayaan pelbagai kriteria komuniti tempatan juga harus dimantapkan lagi dalam menggalakkan penglibatan komuniti tempatan dalam pemuliharaan kawasan warisan sejarah yang mampan. Ini adalah selaras dengan konsep pembangunan mampan yang mengimbangi keperluan fizikal, ekonomi dan sosial .Melalui perlaksaaan LA21, usaha-usaha untuk memenuhi keperluan seluruh komuniti tempatan yang bersifat *heterogenous* dapat dipenuhi agar bukan hanya golongan-golongan tertentu sahaja yang mendapat keuntungan manakala golongan terpinggir akan terus dipinggirkan dalam pembangunan. Oleh itu, LA21 didapati berupaya menjadi medium yang dapat merapatkan jurang di antara pelbagai kumpulan komuniti tempatan ke arah pembentukan *common vision* yang menyeluruh bagi kesemua stakholders dalam perlaksanaan LA21 yang berkesan dan berjaya.

## \* ABSTRACT

*The town of Malacca which is famous as the Historical City is suite with the image of the heritage town. Since the Old Mallaca was finally gazetted as Grade 1 Conservation Zone in the Structure Plan of the Municipality of Historic City of Malacca, it has been the point for the state government and the local authority to conserve the historical heritage. In line with the effort of listing Malacca into the World Heritage List, thus there are various initiatives and efforts that have been done. The efforts of conserving the citizen's cultural heritage , both tangible and intangible has been done in many ways through heritage conservation programs which are organized by the state government , local government even includes international partnership with UNESCO and JICA. However, the effort will only be burdened by executants' agencies without the involvement active public participation from the local community. Thus, the implementation of Agenda 21 at local level through Local agenda 21 (LA21 ) has given space and channel for the local community, MBMB as well as the private sector to work out the action plan together. The major challenge in managing and conserving a sustainable heritage area is the lack of involvement by the local community as the stakeholders that influenced the decision and proposal of the development. As a partnership in a collaborative planning, the needs of an efficient mechanism are really essential to overcome the problem .Commitment and corporation of various local community criteria must be improved in order to enhance a strong local community's involvement in a sustainable heritage area. This is therefore in line with the sustainable development concept which will fulfill the balance needs of the physical, economy and social development. Through the execution of LA21, the efforts of fulfilling the needs of the local community that contained the heterogeneous element will be achieve so that not only some certain groups may gain the profit while the marginal groups will be left behind in the development. Therefore LA21 is a capable medium that will overcome the gap between various local community groups towards achieving a common vision with other stakeholders in order to achieve an efficient and successful LA21.*